

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

**VoA 2024**  
Volume 20 Issue 2

**ISSN: : 1985-5079**



**ADVISORY BOARD MEMBER**  
PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID  
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

**CHIEF EDITOR**  
DR. JUNAIDA ISMAIL

**MANAGING EDITOR**  
MOHD NAZIR RABUN

**COPY EDITOR**  
SYAHRINI SHAWALLUDIN

**EDITORIAL TEAM**  
AISHAH MUSA  
ETTY HARNIZA HARUN  
INTAN SYAHRIZA AZIZAN

**EDITORIAL TECHNICAL TEAM (MYCITE ADMINISTRATOR)**  
KHAIRUL WANIS AHMAD  
NOOR AZLIN ABDULLAH  
MAZURIAH AHMAD

**EDITORIAL BOARD**

**PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA**  
*UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA*

**PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT**  
*FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY*

**PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI**  
*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES, MOUNT ALLISON UNIVERSITY,  
NEW BRUNSWICK, CANADA*

**PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**  
*SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG*

**DR. IRA PATRIANI**  
*FISIP, UNIVERSITAS TANJUNGPURA UNTAN, INDONESIA*

**DR. RIZAL ZAMANI IDRIS**  
*FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH*

**DR. SIMON JACKSON**  
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,  
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

**DR. AZYYATI ANUAR**  
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR. FARYNA MOHD KHALIS**  
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR IDA NORMAYA MOHD NASIR**  
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR MOHD FAIZAL JAMALUDIN**  
FACULTY OF ACCOUNTANCY,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR NOR ARDIYANTI AHMAD**  
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**CONTENT EDITOR**

**PROF MADYA DR NOOR ZAHIRAH MOHD SIDEK,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**PROF MADYA DR NUR HISHAM IBRAHIM,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

**PROF MADYA TS DR AZHARI BIN MD HASHIM,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR AZFAHANEE ZAKARIA,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR AZYYATI ANUAR,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR. FARYNA MOHD KHALIS,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR IDA NORMAYA MOHD NASIR,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR JAZIMIN ZAKARIA,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR LAW KUAN KHENG,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR SAKINATUL RAADIYAH ABDULLAH,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR MOHD RAMLAN MOHD ARSHAD,**  
UITM SEREMBAN 3, MALAYSIA

**DR MOHD ZOO L HILMIE MOHAMED SAWAL,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR NAZNI NOORDIN,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR NOR ARDYANTI BINTI AHMAD,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR ROSHIDAH SAFEEL,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR. UNGKU KHAIRUNNIS,**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR, MALAYSIA

**LANGUAGE REVIEWER**

**ANNUR INITIATIVE RESOURCES PROOFREAD SERVICES SDN BHD**

**AZLAN ABD RAHMAN,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR JUWAIIRIAH OSMAN,**  
CENTER OF LANGUAGE STUDIES, UNIVERSITI MALAYA , MALAYSIA

**DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**DR ZARLINA MOHD ZAMARI,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) PERAK BRANCH, MALAYSIA

**MOHD ZAKI RAMLI,**  
PROOFREADER UNITED, MALAYSIA

**MUHAMMAD AIMAN ABDUL HALIM,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) PENANG BRANCH, MALAYSIA

**MUHAMMAD IKHMAL BIN MOHD JAMIL,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SAMARAHAN 2 BRANCH, MALAYSIA

**MUHAMMAD NASIRUDDIN AZIZ,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SHAH ALAM, MALAYSIA

**MATHSPROOFREAD SDN BHD**

**NIK FATEEN SYAHIRAH NIK MOHD ZAKI,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) TERENGGANU BRANCH, MALAYSIA

**NORLIZAWATI MD TAHIR,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

**SHILA WALI ENTERPRISE PROOFREAD SDN BHD, NEGERI SEMBILAN**

**DR. UNGKU KHAIRUNNIS,**  
CENTER OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR, MALAYSIA

**YANG SALEHA ABD GHANI,**  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

**e-ISSN: 2682-7840**



***Copyright © 2024 by the Universiti Teknologi MARA Press***

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

# TABLE of CONTENTS

<b>UNDERSTANDING KNOWLEDGE TRANSFER BEHAVIOR IN MALAYSIAN ORGANIZATIONS</b> Hairulniza Abd. Rahman <sup>1</sup> & Kardina Kamaruddin <sup>2</sup>	<b>1 -13</b>
<b>PRIVATE CLINIC: IDENTITY AND IMAGE IN DESIGN TO SUPPORT RURAL COMMUNITIES AT SUNGAI LIMAU, YAN, KEDAH</b> Normaziana binti Hassan <sup>1*</sup> , Zaidi Yusoff <sup>2</sup> , Shuhaila Md Shahid <sup>3</sup> , Muhammad Amin Juhari <sup>4</sup> & Muhammad Amer Shafie <sup>5</sup>	<b>14 -36</b>
<b>COMMUNITY-BASED REHABILITATION SERVICE EXPERIENCE, SATISFACTION AND BEHAVIOURAL INTENTIONS: THE PARENT'S PERSPECTIVE</b> Nur Balqis Shufian <sup>1</sup> , Boo Ho Voon <sup>2*</sup> & Johari Abdullah <sup>3</sup>	<b>37 - 55</b>
<b>EXPLORING THE DIMENSIONS OF SCHOOL BULLYING: PERCEPTIONS, GENDER DIFFERENCES, AND LEARNING IMPACTS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS</b> Nurul Amira Yusaini <sup>1</sup> , Nor Hafizah A Hamid <sup>2*</sup> & Zarith Sofiah Othman <sup>3</sup>	<b>56 - 69</b>
<b>IMPACT OF SOCIAL MEDIA TECHNOLOGY ON EFFICIENCY IN THE FOOD AND BEVERAGE MICROENTREPRENEURSHIP SECTOR</b> Mohamad Azli bin Razali <sup>1</sup> , Khairul Hidayat bin Rezo <sup>2*</sup> , Asmadi Mohammed Ghazali <sup>3</sup> , Hafizah binti Besar Sa'aid <sup>4</sup> & Azyyati binti Anuar <sup>5</sup>	<b>70 - 91</b>
<b>UNCOVERING THE SYNTAX OF NEWSPAPER EDITORIALS: A COLLECTIVE CASE STUDY OF THE STAR, THE STRAITS TIMES, THE SUN, AND THE WALL STREET JOURNAL</b> Muhammad Nasiruddin Aziz <sup>1*</sup> & Chai Moo Hung <sup>2</sup>	<b>92 - 109</b>
<b>CULTURALLY SENSITIVE DESIGN: TRANSFORMING MEDIKLINIK AL WALEED INTO A COMMUNITY- CENTRIC HEALTHCARE HEAVEN IN SUNGAI LIMAU, YAN, KEDAH</b> Normaziana binti Hassan <sup>1*</sup> , Zaidi Yusoff <sup>2</sup> , Shuhaila Md Shahid <sup>3</sup> , Muhammad Amin Juhari <sup>4</sup> & Muhammad Amer Shafie <sup>5</sup>	<b>110 - 124</b>
<b>INNOVATIVE DESIGN OF DUN HUANG CAISSON LOTUS PATTERN IN SUI DYNASTY</b> Kang Sujuan <sup>1</sup> , Mohd Nasiruddin Abdul Aziz <sup>2*</sup> , Nur Hisham Ibrahim <sup>3</sup> , Wang Yingli <sup>4</sup>	<b>125 - 138</b>
<b>THE CHALLENGES FACED BY VETERAN TEACHERS DURING OPEN AND DISTANCE LEARNING</b> Siti Illia Maisarah Johari <sup>1</sup> , Saufianim Jana Aksah <sup>2*</sup> , Nor Azyyatul Izni <sup>3</sup> , Nooraini Zainuddin <sup>4</sup> & M. N. Mohammed <sup>5</sup>	<b>139 - 158</b>
<b>UNRAVELLING THE NEXUS: A CONCEPTUAL EXPLORATION OF THE INTERPLAY BETWEEN SELF-CONGRUITY, SATISFACTION, AND BRAND LOYALTY IN URBAN COFFEE SHOPS</b> Nur Adriana Yusli <sup>1*</sup> , Muhammad Safuan Abdul Latip <sup>2</sup> & Ahmad Esa Abdul Rahman <sup>3</sup>	<b>159 - 177</b>
<b>DOES AUDIT QUALITY MODERATE THE RELATIONSHIP BETWEEN CORPORATE RISK-TAKING AND FIRM PERFORMANCE?</b> Chia Chia Yong <sup>1</sup> & Mohd Ashari Bakri <sup>2*</sup>	<b>178 - 191</b>
<b>POST COVID-19 ENGLISH LANGUAGE TEACHING: AN INDONESIA AND MALAYSIA EXPERIENCE</b> Yuyun Yulia <sup>1*</sup> , Annisa Cahya Insani <sup>2</sup> , Shafinah Md Salle <sup>3</sup> & Ima Widyastut <sup>4</sup>	<b>192 - 207</b>
<b>DOES BOARD SIZE MODERATE THE RELATIONSHIP BETWEEN SUSTAINABILITY REPORTING AND FIRM PERFORMANCE?</b> Jocelyn Mok Pau Chee <sup>1*</sup> , Mohd Ashari Bakri <sup>2</sup>	<b>208 - 221</b>



<b>BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF CONFIDENCE INTERVAL METHODS FOR MEAN ESTIMATION IN STATISTICAL RESEARCH</b> Siti Fairus Mokhtar <sup>1</sup> , Zahayu Md Yusof <sup>2</sup> , Hasimah Sapiri <sup>3</sup>	<b>222 - 243</b>
<b>CULTIVATING USAGE AND WORD-OF-MOUTH IN FOOD DELIVERY APPLICATIONS: A CONCEPTUAL STUDY</b> Nurul Syahirah Idris <sup>1</sup> , Muhammad Safuan Abdul Latip <sup>2</sup> & Noradzhar Baba <sup>3</sup>	<b>244 - 267</b>
<b>SYSTEMATIC REVIEW OF MANDARIN PRONUNCIATION LEARNING STRATEGIES</b> Ting Hie Ling <sup>1</sup> , Ye Jun <sup>2</sup> & Lam Kai Chee <sup>3</sup>	<b>268 - 281</b>
<b>STOCK MARKET AND EXCHANGE RATE: THE GREAT BALANCING ACT : A BIBLIOMETRIC ANALYSIS</b> Bee-Hoong Tay <sup>1</sup>	<b>282 - 301</b>
<b>APPLICATION OF THEORY OF PLANNED BEHAVIOUR ON THE SUSTAINABLE ENTREPRENEURSHIP INTENTION AMONG YOUTH IN IPOH, PERAK</b> Nor Hanizatul Azna Noor Azam <sup>1</sup> , Mohd Nazir Rabun <sup>2</sup> & Nur Umaimah Ikhsan <sup>3</sup>	<b>302 - 313</b>
<b>TINJAUAN LITERATUR PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB MENERUSI APLIKASI CANVA</b> Muhamad Khairul Anuar Zulkepli <sup>1</sup> , Mohd Zulkhairi Abd Hamid <sup>2</sup> , Burhanuddin Wahab <sup>3</sup> , Ahmad Fauzi Yahaya <sup>4</sup> , Nur Syafizan Mohd Sufter <sup>5</sup> & Mohd Fairuz Othman <sup>6</sup>	<b>314 - 329</b>
<b>REVOLUTION OF MOBILE BANKING APPLICATIONS TOWARDS BANKING CUSTOMERS IN NORTHERN REGION, MALAYSIA</b> Nur Alia Syahirah Zahari <sup>1</sup> , Nurul Labanihuda Abdull Rahman <sup>2</sup> & Hasyeilla Abdul Mutalib <sup>3</sup>	<b>330 - 343</b>
<b>THE RELATIONSHIP BETWEEN CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY DISCLOSURE OF INVESTORS AND THE FINANCIAL PERFORMANCE OF SHARIAH PUBLIC LISTED COMPANIES IN MALAYSIA, BEFORE, DURING, AND AFTER COVID-19: A CONCEPTUAL PAPER</b> Dayangku Ruhayah Awang Bolhan, Corina Joseph <sup>1</sup> & Siow Hoo Leong	<b>344 - 362</b>
<b>SOLVING THE CONUNDRUM OF DOMESTIC WASTE: THE ENABLERS OF WASTE COOKING OIL RECYCLING INTENTION</b> Muhamad Aiman Mazlan <sup>1</sup> , Muhammad Alif Haiqal Asmizar <sup>2</sup> , Ilhamd Sazali <sup>3</sup> & Nurul Hidayana Mohd Noor <sup>4</sup>	<b>363 - 379</b>
<b>SOCIAL MEDIA USE TOWARD ACADEMIC PERFORMANCE OF DIPLOMA IN INFORMATION MANAGEMENT STUDENTS OF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)</b> Sharifah Nur Suzyanie Syed Huzaili <sup>1</sup> , Asmadi Mohammed Ghazali <sup>2</sup> & Abd Latif Abdul Rahman <sup>3</sup>	<b>380 - 390</b>



---

---

## **TINJAUAN LITERATUR PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB MENERUSI APLIKASI CANVA**

**Muhamad Khairul Anuar Zulkepli<sup>1\*</sup> , Mohd Zulkhairi Abd Hamid<sup>2</sup> ,  
Burhanuddin Wahab<sup>3</sup> , Ahmad Fauzi Yahaya<sup>4</sup> , Nur Syafizan Mohd Suffer<sup>5</sup>  
& Mohd Fairuz Othman<sup>6</sup>**

*<sup>1,2,3,4</sup> Academi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan  
Kedah, Kampus Sungai Petani*

*<sup>5</sup> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik, Universiti  
Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani  
<sup>6</sup> TGG Paradigma Resources, Kedah*

---

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received June 2023  
Accepted May 2024  
Published June 2024

#### *Keywords:*

*Vocabulary, arabic language,  
application, canva*

Corresponding Author:  
mkaz@uitm.edu.my

### ABSTRACT

Arabic is one of the foreign languages that has existed in Malaysia and has developed through the education system at all levels, especially at higher education institutions like UiTM. In fact, learning a language is synonymous with mastering its vocabulary, which is at the core of understanding the language. This is because the vocabulary mastery factor is seen as a strategy to learning the basic language skills of reading, writing, listening, and speaking. Previous studies have shown that the issue of Arabic vocabulary has become a dominant issue that has persisted until now, and it is being tried to be addressed through various strategies. However, it is classical in nature and is seen as less relevant to today's technological sophistication, which increasingly dominates the development of knowledge and education. Therefore, this study aims to review the literature related to Arabic language vocabulary learning that adapts today's technology applications. This study is a qualitative one that applies a content analysis design as the main data collection method. Next, the data was analysed descriptively through three discussion topics. The results of the study show that there are emerging issues and problems that can be linked to learning Arabic vocabulary at UiTM. Therefore, the existence of these problems can help to create new ones.

---

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada bahasa asing yang telah wujud di Malaysia dan ia berkembang melalui sistem pendidikan dalam semua peringkat hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi khususnya di UiTM. Mempelajari bahasa sememangnya sinonim dengan aspek penguasaan kosa kata yang menjadi teras utama memahami bahasa tersebut. Ini kerana faktor penguasaan kosa kata dilihat sebagai instrumen untuk menguasai asas kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kajian lepas memperlihatkan isu kosa kata bahasa Arab menjadi isu dominan yang berlegar hingga kini dan ia cuba ditangani melalui pelbagai strategi. Namun, ia bersifat klasik dan dilihat kurang relevan dengan kecanggihan teknologi masa kini yang semakin mendominasi perkembangan ilmu dan pendidikan. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau literatur berkaitan pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang mengadaptasi aplikasi teknologi masa kini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data utama. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif melalui tiga topik perbincangan. Hasil kajian menunjukkan terdapat isu dan masalah yang timbul yang boleh dikaitkan dengan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di UiTM. Oleh itu, kewujudan masalah ini boleh membantu untuk mencipta yang baru.

©2024 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## **1. Pengenalan**

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada bahasa asing yang telah wujud di Malaysia dan ia berkembang melalui sistem pendidikan dalam semua peringkat hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Apabila mempelajari sesuatu bahasa, sememangnya ia sinonim dengan aspek penguasaan kosa kata yang menjadi teras utama memahami bahasa tersebut. Ini kerana faktor penguasaan kosa kata dilihat sebagai instrumen untuk menguasai asas kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Perlu difahami bahawa penguasaan kosa kata berkait rapat dengan proses pembelajaran yang dipraktikkan lebih-lebih lagi dalam era teknologi yang semakin canggih pada masa kini. Sebagaimana dinyatakan oleh Prasetyo (2017), perkembangan teknologi kini membolehkan ia dimanfaatkan oleh semua orang dan ia mempengaruhi gaya hidup dan pembelajaran. Justeru, pembelajaran kosa kata bahasa Arab tidak ketinggalan dengan kehadiran pelbagai medium dan platform berbentuk teknologi yang dimanfaatkan dalam aktiviti pembelajaran. Hal ini kerana ia dilihat mendapat tempat di hati generasi muda masa kini yang lebih celik digital dengan dunia teknologi. Terdapat variasi aplikasi mudah alih yang muncul kerana perkembangan teknologi digital. Natijahnya, revolusi teknologi digital mendorong kepada transformasi bahan bercetak kepada bahan berbentuk digital.

Dalam hal ini, satu inovasi dan kreativiti dalam pembelajaran perlu dihasilkan dalam usaha memenuhi keperluan generasi moden masa kini yang lebih banyak bergantung kepada

teknologi. Maka, inovasi dan kreativiti ini boleh diaplikasikan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang boleh membawa kepada proses pembelajaran yang lebih fleksibel, menarik, efektif dan tidak membosankan untuk para pelajar. Bertepatan dengan hal ini, Azzikri (2019) menjelaskan bahawa revolusi pesat teknologi kini mendorong para pendidik dan para pelajar lebih peka memahami teknologi sebagai usaha meningkatkan mutu pendidikan. Salah satu instrumen pengajaran yang baik, efektif dan mengikuti perkembangan teknologi kini dalam pembelajaran ialah dengan mengaplikasikan media pengajaran sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran.

Hakikatnya, pembelajaran kosa kata bahasa Arab mengandungi beberapa strategi yang boleh dilaksanakan. Antaranya teknik pengulangan yang lebih cenderung kepada penghafalan perkataan-perkataan baru. Strategi ini bersifat praktikal dan memerlukan proses pengulangan terhadap perkataan yang dihafal sebelum beralih kepada perkataan baru yang lain. Selain itu, teknik catatan juga boleh diaplikasikan dalam pembelajaran kosa kata dengan pendekatan membuat catatan. Ia merujuk kepada catatan dalam bentuk daftar kata-kata baru yang ingin dipelajari dan diberikan perhatian. Tambahan lagi, strategi bertutur juga boleh diadaptasikan dengan menggunakan strategi latihan berbicara dengan orang lain atau diri sendiri yang dapat membantu memperkukuhkan keterampilan berbicara dan pengucapan kata-kata baru. Oleh itu, dapat difahami bahawa pembelajaran kosa kata bahasa Arab boleh diaplikasikan dalam variasi pendekatan atau strategi untuk membantu para pelajar menimba kosa kata yang dipelajari dan pendekatan ini lebih kepada pendekatan klasik yang sering dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Ekoran daripada itu, boleh dikatakan ia agak kurang relevan dan ketinggalan untuk disesuaikan dengan era teknologi masa kini dan ia perlukan kepada sedikit revolusi atau transformasi moden.

## **2. Pernyataan Masalah**

Permasalahan yang melibatkan aspek kosa kata dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab bukan sesuatu yang baru. Isu ini telah ditemui dan dirungkaikan oleh para pengkaji terdahulu lagi dan ia masih diteruskan hingga kontemporari kini. Majoriti pengkaji bersetuju bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa amat berkait rapat. Hal ini dinyatakan oleh Aizan (2018) dan Zaini (2016). Ini kerana kemampuan bahasa individu berkait dengan jumlah kosa kata yang dikuasainya.

Menurut Saputra et al. (2022), penambahbaikan dan penambahan penguasaan kosa kata bahasa Arab ialah matlamat utama pembelajaran bahasa Arab. Penguasaan kosa kata adalah penting dan hasil pembelajaran tersebut dapat dilihat menerusi penguasaan kosa kata bahasa Arab yang banyak. Pandangan tersebut disokong dengan kenyataan Rafsanjani & Nuruddaroini (2022) yang mengatakan bahawa memperkayakan kosa kata bahasa Arab memberi pengaruh terhadap kemahiran komunikasi Arab. Seseorang yang mahir dalam bahasa Arab sebenarnya didukung oleh perbendaharaan kata yang mencukupi.

Salah satu faktor seseorang itu kurang mahir bertutur bahasa Arab menurut Mujahid et.al (2022) berpunca daripada kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Terdapat faktor lain menyumbang kepada masalah dalam pembelajaran bahasa Arab antaranya perbezaan latar belakang pendidikan dan kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Perkara seumpama ini diperkukuhkan dengan kenyataan Tungkagi et.al (2022) iaitu salah satu permasalahan yang sering terjadi dalam pembelajaran bahasa Arab ialah kekurangan kosa kata bahasa Arab dan menyebabkan para pelajar tidak mampu untuk bertutur atau menulis dalam bahasa Arab. Hal seperti ini turut diutarakan oleh Zainur et.al (2020) yang menyatakan bahawa sebahagian besar pelajar di peringkat universiti menghadapi masalah menguasai kosa kata yang serius. Masalah

ini boleh dikaitkan dengan faktor penguasaan bahasa Arab pelajar yang sering dibangkitkan oleh golongan pendidik dan pensyarah. Ia boleh dikurangkan dengan mempelbagaikan aktiviti kosa kata. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa kehadiran rasa minat dalam diri pelajar.

Dalam hal ini, Ni'mah et.al (2023) menyebut bahawa isu kosa kata bahasa Arab yang timbul ini menjadikan para pendidik memilih platform media *flashcard* untuk membantu kosa kata bahasa Arab. Pembelajaran berkonsepkan flash card ini selari dengan kenyataan Niam et.al (2022) bahawa pemilihan media yang tepat mampu menimbulkan motivasi dan rasa minat terhadap pembelajaran bahasa Arab. Justeru, penggunaan flash card merupakan cara mudah untuk membantu hafalan perbendaharaan kata.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibangkitkan ini, kenyataan Saputra et al. (2022), Rafsanjani & Nuruddaroini (2022), Mujahid et.al (2022), Tungkagi et.al (2022) dan Zainur et.al (2020) lebih menjurus kepada permasalahan kosa kata yang berlaku. Manakala kajian Ni'mah et.al (2023) lebih kepada strategi baru dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Senario yang dizahirkan tersebut dapat dilihat pada pelajar UiTM umumnya dan khususnya di kampus Kedah kelemahan aspek kosa kata yang dikuasai mereka. Kelemahan ini dapat dibuktikan melalui penghasilan skrip-skrip lakonan (*role-play*) dan persembahan yang telah dihasilkan oleh mereka. Ini menggambarkan tahap dan kemampuan para pelajar terhadap penguasaan kosa kata. Maka, timbul beberapa persoalan yang berkaitan aspek kosa kata. Ini mendorong kepada percambahan idea atau pendekatan baru terhadap penguasaan kosa kata untuk membantu pelajar-pelajar UiTM dalam era teknologi masa kini. Kepesatan teknologi membawa kepada transformasi norma baru pembelajaran bermediumkan teknologi. Medium yang dicadangkan dan mesra kepada pembelajaran ialah Canva. Platform ini mengandungi pelbagai elemen media seperti video, pembentangan, infografik dan seumpamanya yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran kosa kata. Lantas, ini menjadi lompangan kepada perbincangan yang boleh digarab untuk menghasilkan strategi baru pembelajaran bahasa Arab menerusi Canva.

### **3. Metodologi**

Kajian ini mengadaptasikan pendekatan kualitatif yang mengaplikasikan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada buku, artikel dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kosa kata bahasa Arab dan pembangunan aplikasi. Kemudian, data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif.

### **4. Dapatan dan Perbincangan**

#### **4.1 Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab**

Faradisa dan Fitriani (2023) dalam kajiannya mengupas pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah yang mengadaptasikan media. Menurutnya, pembelajaran kosa kata merupakan asas untuk mengajar bahasa kedua supaya pelajar dapat memahami makna apabila bertutur atau memahami buku teks, ungkapan atau bidang bahasa yang lain. Secara dasarnya, pembelajaran bahasa Arab bertujuan untuk pelajar tidak sekadar hanya memahami teori atau konsep hukum bahasa Arab seperti sintaksis dan morfologi. Malah, ia membantu pelajar untuk menggunakan empat kemahiran bahasa Arab dengan baik. Kemahiran berbahasa dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya penguasaan kosa kata pelajar besar dan mencukupi. Justeru, penyelesaian yang boleh dicari untuk menangani masalah ini ialah dengan mewujudkan inovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara inovasi pembelajaran yang sangat mempengaruhi aktiviti pembelajaran ialah melalui platform media. Media gambar merupakan sarana pembelajaran berbentuk gambar yang membantu aktiviti pembelajaran.

Penggunaan media sebenarnya bertujuan meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar di samping melatih dan menguatkan daya memori terhadap kosa kata yang dipelajari.

Mahyudin (2023) dalam kajiannya ada membincangkan strategi penguasaan kosa kata bahasa Arab berasaskan medium gambar di salah sebuah sekolah. Beliau mengatakan bahawa perbendaharaan kata bahasa Arab yang mencukupi dapat menyokong seseorang berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Arab. Kualiti bahasa bergantung kepada kuantiti dan kualiti perbendaharaan kata yang dimiliki oleh seseorang. Semakin kaya kosa kata yang dimiliki semakin bertambah potensi kemahiran bertutur seseorang itu. Antara medium yang boleh diaplikasikan dalam proses pembelajaran bahasa Arab ialah penggunaan imej media. Gambar tersebut dihipunkan kepada bentuk kosa kata yang boleh disusun secara sistematik dan ditayangkan. Inovasi seperti ini dicipta untuk meningkatkan lagi aktiviti pembelajaran. Hasil peneletian beliau terhadap medium gambar yang dilaksanakan di sekolah memperlihatkan perubahan penguasaan kosa kata membaca, memahami dan mengingat kosa kata bahasa Arab jauh lebih cepat diingati dan dihafal berbanding pembelajaran ketika tidak menggunakan media.

Seterusnya, Robiansyah et.al (2023) dalam satu kajiannya menghuraikan tentang permainan monopoli yang diadaptasikan dalam kosa kata bahasa Arab. Menurut pemerhatiannya, boleh dikatakan aktiviti pembelajaran bahasa Arab masih agak pasif, fokus pelajar mudah terganggu hingga mendorong kepada kurang minat dan motivasi belajar bahasa Arab. Untuk membantu masalah yang berlaku ini, satu kreativiti diwujudkan untuk pembelajaran kosa kata bahasa Arab iaitu permainan monopoli. Ia diadaptasi oleh permainan monopoli yang berbentuk sekeping papan dan terdiri daripada koleksi nama negara atau bandar untuk dijual, disewakan kepada pembeli mengikut peraturan permainan tersebut. Tujuan permainan ini diadaptasi dalam pembelajaran adalah untuk meningkatkan minat terhadap penguasaan kosa kata dan mengubah persepsi negatif pelajar daripada bosan kepada menarik. Oleh itu, dengan kehadiran inovasi seperti ini, pembelajaran bahasa Arab dapat diubah kepada pembelajaran menarik dan efektif.

Jaili et.al (2023) dalam pengkajiannya menyebut tentang strategi pengajaran kosa kata bahasa Arab sekolah-sekolah Brunei. Kajiannya menyatakan bahawa ketika pengajaran dan pembelajaran guru-guru bahasa Arab berlaku, penekanan diberikan kepada perkataan yang berulang, perkataan yang mudah disebut, perkataan yang khusus dalam bidangnya dan juga perkataan baharu yang ditemui. Bahkan, proses pengulangan terhadap perkataan-perkataan yang telah dipelajari juga turut dilakukan. Pendekatan terjemahan melalui kamus dilakukan oleh para guru namun, ia sederhana sahaja. Selain itu, pendekatan berpusatkan pelajar turut dilaksanakan iaitu meminta pelajar menterjemahkan terlebih dahulu sebelum menerangkan maknanya dalam bahasa Arab. Hasil kajian mendapati penggunaan perkataan bahasa Arab dan operasi kelas dalam bahasa Arab sepenuhnya berada di tahap rendah. Interaksi guru dan pelajar di luar kelas juga tidak begitu memuaskan. Aktiviti sekolah yang dilaksanakan dalam bahasa Arab juga berada di tahap yang rendah.

Dalam kajian Munir dan Irfan (2023), ada dibincangkan berkenaan penguasaan kosa kata bahasa Arab melalui pendekatan perkamusan. Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat sejauh mana penggunaan kamus sebagai alat bantu untuk meningkatkan kemahiran kosa kata bahasa Arab pelajar di peringkat menengah. Hasil penelitiannya mendapati bahawa masalah yang dialami berkisarkan tentang penentuan makna perkataan yang betul. Solusi yang boleh diambil bagi mengatasi kesukaran menggunakan kamus Arab-Indonesia ketika menterjemah teks Arab ialah mempelajari tatabahasa Arab khususnya ilmu *Sorof*. Hal ini kerana kamus-kamus kebiasaannya menyenaraikan kandungan kosa kata bermula daripada kata dasar. Secara

praktikal, beberapa langkah boleh dipraktikkan dalam penggunaan kamus iaitu sekiranya kamus digunakan itu menggunakan ilmu *Sorof*, perkataan dalam kamus yang perlu dicari ialah berbentuk *fi'il madhi* iaitu kata dasar.

Khairani et.al (2023) seterusnya menyebut tentang strategi pembelajaran bahasa Arab yang dilakukan di Madrasah Tsanawiyahhifzhil Qur'an Medan. Menurutnya, strategi atau pendekatan yang digunakan oleh guru di MTS Hifzhil Qur'an Medan bertujuan untuk mengatasi pelbagai halangan semasa proses pembelajaran. Strategi-strategi yang dijalankan tersebut merangkumi tiga klasifikasi yang berbeza. Pertama, strategi permainan kosa kata Arab yang melibatkan para pelajar untuk menamakan objek yang ditunjukkan oleh guru. Kedua, strategi berbentuk kaedah istima' atau pendengaran. Pendekatan strategi ini memerlukan kepada video atau lagu Arab dan perbualan yang dimainkan secara ulangan. Ketiga, pendekatan *muhadathah* iaitu latihan sebutan huruf Arab yang betul mengikut apa yang didengari.

Kajian Taufik et.al (2023) pula membicarakan berkenaan strategi pembelajaran *flashcard* dalam pembelajaran bahasa Arab. Faktor utama halangan kepada pemahaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab ialah strategi pembelajaran yang kurang sesuai dan tidak efisien mengakibatkan hasil pembelajaran pelajar-pelajar yang terhasil adalah rendah. Pendekatan *flashcard* digunakan dalam pembelajaran sebagai inisiatif bagi mengatasi faktor pelajar dalam memahami kosa kata dan tatabahasa Arab. Pendekatan yang dipraktikkan ini menunjukkan satu peningkatan dalam pembelajaran pelajar dan mencapai matlamat pembelajaran yang ingin dicapai. Justeru, pengadaptasian strategi *flashcard* ini ialah satu inovasi yang dilaksanakan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mendorong kepada satu bentuk pembelajaran yang seronok dan mudah dalam memahami perbendaharaan kata bahasa Arab.

Kajian Akmalia (2023) pula mengulas tentang pengalaman guru yang mengajar bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam konteks pembelajaran kosa kata. Mengajar perbendaharaan kata bahasa asing seperti bahasa Arab adalah mencabar kerana kerumitan, perkataan dan corak linguistiknya. Tiga perkara utama perlu diberikan pertimbangan untuk mengajar dan mempelajari kosa kata baru dengan berkesan iaitu bentuk perkataan, makna perkataan dan taburan perkataan. Guru menghadapi cabaran dalam pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab kerana kompetensi pelajar yang rendah dan kekurangan media pembelajaran yang mencukupi. Mereka sering menggunakan strategi nyanyian, lakon peranan serta menggunakan permainan teka-teki dan media borang Google untuk menilai pemahaman. Strategi pengajaran yang tidak membosankan ini bertujuan untuk memupuk minat dan motivasi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dengan menyediakan pelbagai kaedah pembelajaran.

Zarkasyi et.al (2023) ada menghuraikan tentang aspek pendekatan tatabahasa dan terjemahan dalam pembelajaran bahasa Arab pada era moden ini. Kaedah tatabahasa dan terjemahan ialah gabungan menghafal tatabahasa bahasa asing dan menterjemah perkataan, ayat atau teks. Ia telah wujud dalam pembelajaran bahasa Arab selama berabad-abad khususnya pada abad ke-7 hingga ke-13 Masihi hasil daripada perkembangan bahasa Arab. Kaedah gabungan ini lebih unggul antara satu sama lain kerana ia saling melengkapi kekuatan satu sama lain dan menangani kelemahan setiap kaedah secara berasingan. Bagi meningkatkan kecekapan pembelajaran bahasa Arab menggunakan kaedah gabungan ini, guru atau penutur bahasa boleh mengintegrasikan kaedah *ta'bir syafawi* dan *ta'bir tahriry*. Ini akan membantu pelajar menyatakan pemahaman mereka menggunakan bahasa ibunda mereka, dan guru boleh mengukur sejauh mana pelajar memahami konteks bahasa Arab yang mereka baca.



Lutfiyatun et.al (2023) ada menerangkan tentang pemanfaatan *Artificial Intelligence* (AI) dalam meningkatkan kompetensi pembelajaran tatabahasa, terjemahan dan perbualan. AI sedang digunakan dalam pembelajaran tatabahasa Arab untuk mengenalpasti unsur tatabahasa Arab seperti *i'rob* dan terjemahan bahasa Arab. Sistem AI kini dibangunkan untuk mengenalpasti kedudukan *i'rob*, bentuk perkataan dan kategori. Walau bagaimanapun, penglibatan pengguna diperlukan untuk hasil semakan silang. Aplikasi AI juga telah meningkat dalam perbualan dan dialog pertuturan yang bertujuan untuk memudahkan pelajar belajar dan mengamalkan kemahiran berdialog. Di sebalik cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab, AI menawarkan penyelesaian alternatif. Kejayaan pembelajaran melalui AI bergantung kepada keikhlasan, dedikasi, ketabahan, kesabaran, konsistensi, dan semangat untuk belajar, membolehkan pelajar menguasai kecekapan bahasa Arab dengan sempurna.

#### **4.2 Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab**

Samah et.al (2023) menjalankan kajian tentang penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam. Kajian mendapati penguasaan perbendaharaan kata pelajar adalah lemah, memberi kesan negatif kepada penguasaan bahasa Arab mereka. Untuk menangani perkara ini, kajian mencadangkan beberapa penyelesaian termasuk penggunaan strategi pembelajaran kosa kata. Ujian dijalankan ke atas perkataan yang dipilih dan ditapis untuk menilai prestasi dan penguasaan kosa kata pelajar.

Abdul Rahman dan Baharudin (2023) ada membicarakan soal persekitaran yang mempengaruhi kosa kata bahasa Arab pelajar. Skop perbincangan tersebut berkisarkan aspek hubungan dan sumbangan persekitaran bahasa Arab terhadap penguasaan kosa kata pelajar sekolah yang telah dipilih. Persekitaran bahasa Arab yang diterapkan di sekolah merupakan pemboleh ubah yang menghidupkan budaya penguasaan kosa kata Arab pelajar di sekolah. Ia satu anjakan paradigma terhadap peningkatan kemahiran dan penguasaan pelajar. Dapatan kajian turut menunjukkan hubungan signifikan yang melibatkan persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab pelajar. Oleh yang demikian, budaya persekitaran mempengaruhi kepentingan para pelajar untuk mengoptimumkan sumbangan terhadap kemahiran dan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Persekitaran baik mampu menyumbangkan kepada aspek Pembangunan diri pelajar dalam pembelajaran membabitkan kosa kata.

Aluwi dan Abdul Ghani (2023) ada membincangkan aspek penguasaan kosa kata terhadap penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu. Aspek kosa kata bahasa Arab berkait rapat dengan kemahiran menulis dalam kalangan para pelajar. Salah satu cara untuk meningkatkan kemahiran menulis ialah menguasai kosa kata dan elemen ini boleh meningkatkan keupayaan untuk menulis dalam kalangan para pelajar. Dalam hal ini, pelaksanaan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amatlah perlu berpusatkan pelajar. Kesenambungan antara aktiviti yang diwujudkan tersebut memberikan kesan atau pengalaman kepada para pelajar aspek kemahiran menulis bahasa Arab dengan penguasaan kosa kata.

Dalam kajian Norillah et.al (2023), ada dibincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Kosa kata diertikan sebagai pengetahuan tentang jenis-jenis pertuturan dan maknanya sama ada dalam percakapan serta penulisan. Penguasaan kosa kata yang baik memberi impak kepada kemahiran berkomunikasi dan usaha pelajar menguasai bahasa dengan lebih lancar. Penguasaan kosa kata dipengaruhi oleh beberapa faktor utama

antaranya psikologi, faktor pengajaran dan pembelajaran serta faktor kemahiran bahasa. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa iaitu faktor diri pelajar, faktor guru, persekitaran pembelajaran dan sosial.

Umar et.al (2023) membincangkan tentang aspek mempertingkatkan perbendaharaan kata pelajar melalui *Google Classroom* yang dijalankan di empat buah sekolah di Melaka. Kajian mendapati perbezaan yang signifikan dalam markah pencapaian pemerolehan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan murid Tahun Lima sekolah rendah di Melaka Tengah, Melaka menggunakan *Google Classroom*. Pelajar mendapati bahawa ia membantu dalam pencarian maklumat, bermain permainan, menyanyikan lagu, menghantar kerja rumah dan mendapatkan gred. Pada masa hadapan, pelajar mungkin tidak memerlukan buku teks tetapi memadai dengan komputer dan telefon pintar. Ia menjadi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Penyelidik-penyelidik akan datang perlu meneroka teknologi baru dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bidang-bidang lain.

Dalam kajian Prakasa et.al (2023), ada dibincangkan aspek penguasaan tahap penulisan kosa kata bahasa Arab peringkat permulaan untuk pelajar program pengajian pendidikan bahasa Arab. *Maharah* dalam bahasa Arab merujuk kepada penguasaan empat kemahiran bahasa: membaca, bertutur, menulis, dan mendengar. Perbendaharaan kata sangat penting untuk pembelajaran bahasa kerana ramai yang cemerlang dalam sebutan dan perbendaharaan kata tetapi bergelut dengan penulisan. Analisis menunjukkan bahawa ramai pelajar telah menguasai kosa kata bahasa Arab dan boleh menggunakannya dalam ayat yang sempurna. Walau bagaimanapun, ramai yang masih bergelut dengan penggunaan kosa kata yang betul mengakibatkan kesilapan yang boleh diperbetulkan melalui latihan. Purata markah bagi pelajar ini ialah 82.0, menunjukkan mereka mahir dalam kosa kata bahasa Arab.

Kajian Nur et.al (2023) menghuraikan tentang keberkesanan teknik padanan imej dan perkataan untuk meningkatkan keupayaan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Teknik merakam gambar dan perkataan digunakan untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab mewujudkan persekitaran pembelajaran tanpa tekanan. Penguasaan perbendaharaan kata tidak diukur dengan menghafal perbendaharaan kata tetapi sejauh mana diaplikasikan dalam kehidupan seharian seperti menterjemah ayat dengan betul, membezakan antara kata nama, kata kerja atau kata adjektif dan memahami makna kosa kata secara spontan. Penerapan teknik cetakan imej dan perkataan meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dengan kewujudan suasana pembelajaran yang menyenangkan, mengelakkan kebosanan dan mengantuk, serta menjadikan mereka lebih aktif berbanding guru yang lebih fokus mencari dan menggandingkan gambar dan perkataan. Kajian menunjukkan bahawa pelajar belajar dengan lebih baik sebelum dan selepas menggunakan teknik mencetak gambar dan perkataan. Skor purata praujian ialah 60.84 dengan varians 5.19, manakala purata skor ujian pasca ialah 76.61 dengan varians 6.18. Ini menunjukkan bahawa penerapan teknik imej dan perkataan berkesan dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Farhan (2023) dalam satu kajiannya menganalisis tentang kesan penggunaan aplikasi WOW terhadap penguasaan perbendaharaan kata pelajar bahasa Arab. Permainan interaktif WOW digunakan secara meluas untuk pembelajaran kosa kata. Pelajar mengisi lajur kotak kosong dengan huruf rawak untuk mencipta perbendaharaan kata. Aplikasi itu tersedia di *Playstore* dan *App Store* membantu pelajar di UIN Sumatera Utara meningkatkan kemahiran Pendidikan Bahasa Arab mereka daripada tahap mudah kepada sukar. Kajian menunjukkan penguasaan kosa kata pelajar jabatan pendidikan bahasa Arab Semester Kedua UIN Sumatera Utara meningkat dengan ketara apabila menggunakan aplikasi tersebut. Ia meningkatkan purata markah dan penguasaan kosa kata pelajar. Pelajar mendapati aplikasi itu lebih menarik dan

berkesan dalam meningkatkan perbendaharaan kata walaupun berasa bosan dengan aktiviti membina kosa kata yang lain.

Seterusnya, Sholihuddin et.al (2023) pula membincangkan tentang peranan penggunaan laman web aljazeera.net dalam meningkatkan penguasaan kosa kata Arab moden. Media amat berperanan dalam pembelajaran terutamanya dalam bahasa Arab kerana ia meningkatkan penyampaian bahan dan menyokong pelajar seperti Rangkaian Media Al Jazeera. Rangkaian Media Al Jazeera digunakan untuk mempelajari terjemahan akhbar, meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab moden melalui kaedah pembelajaran berkesan dan cekap, bahan yang dihantar dan teks berita bukan lisan. Tumpuan pendidikan Al Jazeera Media Network pada istilah bahasa Arab baru boleh meningkatkan kemahiran penterjemahan dengan meningkatkan pengetahuan tentang istilah ini. Rangkaian Media Al Jazeera ditulis dan disampaikan oleh penutur asli bahasa Arab membantu meningkatkan pengetahuan tentang menulis perkataan dan struktur ayat yang betul.

Noor et.al (2023) dalam kajiannya menghuraikan pelaksanaan permainan pendidikan bahasa Arab *Charade Game* untuk memperoleh kosa kata bahasa Arab dan meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab. Soal selidik mendedahkan apabila strategi gamifikasi digabungkan dalam pembelajaran, ia boleh meningkatkan minat dan penglibatan pelajar-pelajar dengan ketara dalam pengajian. Teknik pembelajaran berasaskan permainan terbukti berkesan dan menarik dalam pembelajaran berbanding kaedah tradisional. Ia meningkatkan motivasi, pencapaian dan keterikatan dalam aktiviti pembelajaran kerana ia direka untuk pelajar mencapai matlamat akademik mereka. Ringkasnya, *Educational Arabic Charade Game* ialah alat yang berharga untuk pelajar, membantu dalam pemerolehan kosa kata dan meningkatkan kemahiran bertutur, menjadikan pembelajaran bahasa Arab menyenangkan dan menarik.

### **4.3 Aplikasi Kosa Kata**

Moh. Yusof Efendi dan Ahmad Suyuthi (2023) dalam kajiannya membincangkan aplikasi kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab yang dikenali aplikasi *Solite Kids*. Ia aplikasi kanak-kanak yang telah dibangunkan dan terdiri lebih daripada 90 permainan berbentuk pendidikan untuk pembelajaran kanak-kanak bermula dari peringkat awal kanak-kanak, tadika dan sekolah rendah. Aplikasi ini mengandungi item-item menggabungkan visual dalam bentuk imej dan bunyi serta menggunakan latar belakang pemandangan sehingga menjadikan kanak-kanak tidak bosan mendengar dan meniru kosa kata bahasa Arab. Aktiviti pembelajaran seperti ini disokong oleh teknologi sebagai media pembelajaran yang berkonsepkan pembelajaran menggunakan telefon bimbit. Ia langkah dalam menghadapi era teknologi 4.0 masa kini yang lebih cenderung kepada penggunaan gajet. Shubungan itu, aplikasi *Solite Kids* ini boleh dijadikan pilihan pembelajaran untuk pelajar supaya proses pembelajaran dapat dinikmati dengan mudah dan menyenangkan.

Giatika dan Firman (2023) dalam kajiannya mengulas berkenaan aplikasi pembelajaran interaktif bahasa Arab yang digunakan pada teknologi kini. Seiring perkembangan teknologi yang semakin maju, Android ialah OS yang paling banyak digunakan sebagai sistem pengendalian untuk peranti mudah alih. Aplikasi pembelajaran berasaskan Android digunakan sebagai media pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri mudah difahami penggunaanya. Antara ciri-ciri yang dimaksudkan ialah kemudahan mengakses butang yang diingini. Kajian yang dijalankan ini menghasilkan aplikasi bahasa Arab berasaskan Android dan memiliki ciri-ciri penampilan tersendiri serta dimuatkan aktiviti-aktiviti berserta visual. Aplikasi ini dibangunkan mengikut bahan yang akan dipelajari di sekolah. Aplikasi tersebut akan dibuat percubaan terlebih dahulu yang

disasarkan kepada pakar atau guru yang mengajar bahasa Arab. Percubaan ini bertujuan melihat refleksi terhadap pembelajaran bahasa Arab berasaskan Android di sekolah. Hasil percubaan aplikasi ini menunjukkan keperluannya dalam medium pembelajaran.

Dalam kajian Putri (2023) ada dibahaskan berkenaan penggunaan aplikasi *Kahoot* dalam usaha meningkatkan kosa kata bahasa Arab di sebuah sekolah. Menurutnya, inovasi di abad ke 21 dalam dunia pendidikan semakin berkembang sehingga membawa revolusi dalam pembelajaran dengan mengambil manfaat daripada teknologi. Salah satu platform kreatif dan inovatif yang boleh dimanfaatkan oleh guru dan pendidik ialah aplikasi *Kahoot*. Justeru, satu pemerhatian dibuat terhadap sebuah sekolah iaitu SMA Islam Al-Falah Kota Jambi untuk menilai penerimaan pelajar terhadap aplikasi tersebut dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Hasil penelitian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi tersebut memberikan kesan efektif terhadap daya hafalan kosa kata Arab bagi para pelajar sekolah tersebut. Pemanfaatan aplikasi *Kahoot* ini memberikan impak positif yang mempengaruhi hasil pembelajaran bahasa Arab dan meningkatkan lagi daya aktif pelajar terhadap hafalan kosa kata Arab.

Zainuddin et.al (2023) dalam satu kajiannya mengulas berkenaan kebolegunaan aplikasi yang dikenali sebagai aplikasi *My Arabiy Game* dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Aplikasi *My Arabiy Game* ini menawarkan banyak faedah kepada guru bahasa Arab kerana platform ini menyediakan kandungan yang tepat dan konsisten dengan kurikulum JAIS. Strukturnya jelas, menarik dan mudah difahami membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka tentang pelajaran bilik darjah. Aplikasi ini juga boleh berfungsi sebagai alat pembelajaran sendiri, membolehkan pelajar menggunakannya di luar kelas tanpa bimbingan guru lantas menyatukan maklumat bahasa. Guru harus memberi tumpuan kepada strategi PdP berpusatkan pelajar untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Aplikasi *My Arabiy Game* boleh memberi manfaat dalam proses ini, kerana ia menggalakkan interaksi antara guru dan pelajar, memberikan pelbagai manfaat kepada pengguna.

Kajian Nisa (2023) ada memfokuskan kepada kandungan pembelajaran kemahiran mendengar dalam aplikasi bahasa Arab *Fun Easy Learn* berdasarkan piawaian ACTFL. Aplikasi ini bertujuan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran mendengar kerana manusia secara semula jadi memahami bahasa orang lain melalui pendengaran. Aplikasi *Fun Easy Learn* ini sesuai untuk pemula pertengahan dan lanjutan selaras dengan piawaian ACTFL dan menyampaikan bahan yang sesuai dengan situasi sosial pengguna. Kandungannya direka untuk membantu pelajar menerima dan memahami apa yang mereka dengar.

Abdullah et.al (2023) membuat tinjauan terhadap pelajar mengenai keberkesanan penggunaan aplikasi *Kahoot* dalam pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi *Kahoot* ialah alat bantu mengajar popular yang menarik minat para pelajar untuk menggunakannya. Ia satu bentuk aplikasi permainan yang dibentuk dan para guru atau pensyarah menyediakan soalan dalam portal tersebut. Hasil tinjauan pelajar terhadap penggunaan aplikasi tersebut bagi kod kursus *al-adab al-arabi al-hadith* dan *islamic history and civilization* menunjukkan ia memberi kesan positif terhadap pembelajaran. Ia membantu dalam pemahaman pembelajaran kursus dengan jelas. Dari sudut pemanfaatan, aplikasi *Kahoot* meningkatkan penglibatan pensyarah, mengurangkan kebosanan serta meningkatkan kelajuan pemikiran dan tumpuan. Ia membantu mengenalpasti kesilapan, mengurangkan tekanan tindak balas dan membantu dalam ingatan kandungan kuliah yang lebih mudah berbanding kaedah tradisional.

Dewi et.al (2023) membincangkan tentang pemanfaatan aplikasi Tiktok dalam pembelajaran bahasa Arab yang melibatkan aspek fonetik. Pembelajaran bahasa Arab diamalkan secara meluas dan dikongsi di media sosial terutamanya TikTok. Platform ini membolehkan pengguna

mencipta dan berkongsi video, menjadikannya medium hiburan yang popular. Kesilapan fonetik dalam pembelajaran bahasa Arab di media sosial TikTok adalah minimum, menjadikannya lebih mudah untuk pelajar dan orang awam memahami pertuturan. Walau bagaimanapun, sesetengah akaun atau pencipta mungkin tidak menumpukan pada penyampaian bahan yang mungkin tidak menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Kandungan yang memfokuskan kepada satu kemahiran bahasa Arab dapat memudahkan pelajar belajar terutamanya apabila menghadapi kesukaran. Kandungan ini boleh menjadi pilihan bagi mereka yang bergelut dengan bahasa Arab.

Rosalinda dan Muhammad (2023) ada mengulas berkenaan dengan pembelajaran bahasa Arab melalui saluran media iaitu aplikasi Canva. Inovasi dalam dunia pembelajaran pada era globalisasi ini sangat diperlukan lebih-lebih lagi melibatkan media pembelajaran. Media pembelajaran berfungsi sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh para pendidik. Ia juga dikira sebagai pembantu atau fasilitator dalam proses pembelajaran yang sedang berlaku atau dilangsungkan. Salah satu idea yang diketengahkan dalam Canva ialah penggunaan komik Arab dalam perbualan. Ia mengadaptasikan latar belakang animasi serta menampilkan watak dan pemilihan warna yang sesuai untuk pelajar. Hasil penelitian memperlihatkan bahawa media pembelajaran bahasa Arab dengan aplikasi Canva sangat bersesuaian. Hal ini kerana bahan pembelajaran yang disampaikan berurutan dan mudah difahami dilengkapi dengan audio untuk memudahkan para pelajar mengikuti pembelajaran dan tidak bosan. Ini menggambarkan bahwa media sangat berkensan, inovatif dan bermanfaat dalam aspek pembelajaran serta dapat meningkatkan motivasi dalam pembelajaran.

Dalam kajian Panjaitan dan al-Rasyid (2023) ada dikemukakan tentang pembangunan media pembelajaran komik arab berteraskan Canva. Kajian yang berbentuk penelitian *Research and Development (R&D)* ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar membuah produk berbentuk komik bahasa Arab (KOBAR) yang mengadaptasikan aplikasi Canva. Hasil kajian pembangunan media komik Arab berasaskan Canva menyimpulkan bahawa ia diiktiraf sebagai platform pembelajaran bahasa Arab. Ujian validasi kebolehlaksanaan yang dilakukan oleh pakar media menunjukkan skor purata 79% dan ujian validasi kebolehlaksanaan yang dikendalikan oleh pakar bahan menunjukkan skor purata 96%. Pembangunan media komik Arab (KOBAR) telah melalui keputusan ujian respons guru bahasa Arab dengan purata skor 95% dan pelajar dengan purata skor 94%. Justeru, media komik Arab (KOBAR) berasaskan Canva sesuai diimplementasikan dalam media pembelajaran bahasa Arab.

Irmansyah et.al (2023) dalam kajiannya juga turut membincangkan aspek pembelajaran bahasa Arab menggunakan aplikasi Canva. Satu penelitian dan uji kaji dilakukan terhadap sebuah sekolah melibatkan pembelajaran bahasa Arab melalui platform Canva. Antara reka bentuk yang diaplikasikan dalam Canva ialah aktiviti kuis berbentuk teka silang kata disertai dengan gambar. Hasil penelitian tersebut menunjukkan keberkesanan media pembelajaran menerusi ujian pra yang dijalankan oleh para pelajar. Perbezaan ketara dapat diperhatikan pada markah yang diperoleh hasil daripada pra ujian (52.5%) dan ujian sebenar (76%). Daripada Keputusan ini dapat dikatakan bahawa media pembelajaran memberikan kesan atau pengaruh terhadap pembelajaran yang dilalui oleh para pelajar.

Nafiah (2023) dalam satu kajian ada membahaskan tentang penggunaan kecerdasan buatan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian dalam penghasilan tugas bahasa Arab melalui aplikasi *Liveworksheets*. Hasil kajian menyerlahkan potensi aplikasi *Liveworksheets* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, menyerlahkan kebolehcapaian praktikal, penilaian pengenalan diri dan pelbagai bentuk soalan, meningkatkan penguasaan pelajar terhadap topik bahasa. Penggunaan aplikasi *Liveworksheets* dalam pembelajaran bahasa Arab menonjolkan

kesannya terhadap pengetahuan dan kemahiran, motivasi dan tugas interaktif pelajar. Ia boleh digunakan secara berterusan untuk pembelajaran bahasa Arab dalam talian, memupuk sikap positif terhadap pemerolehan bahasa kedua dan asing.

Berdasarkan kajian-kajian literatur yang dinyatakan ini, dapat dinyatakan bahawa kajian-kajian tersebut berpusatkan kepada isu dan permasalahan kosa kata bahasa Arab, pendekatan kreatif sebagai strategi dalam membantu aspek kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar serta pemanfaatan aplikasi terhadap pembelajaran kosa kata. Tuntasnya, ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata Arab sememangnya menjadi topik perbincangan hangat dalam kalangan pengkaji bahasa Arab khususnya. Perbincangan tersebut dapat melahirkan beberapa pendekatan kreatif yang boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha membantu para pelajar di institusi pengajian tinggi mencapai tahap yang sebaik boleh dalam aspek kosa kata Arab. Rentetan dari perbincangan yang telah dibangkitkan oleh pengkajian terdahulu dan terkini membuahkan satu idea baru sebagai strategi yang boleh mengaplikasikan kecanggihan teknologi semasa untuk digarap bagi mengatasi masalah penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar UiTM supaya dapat dimanfaatkan bersama dalam proses pengajaran dan pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi dan kecanggihan. Kajian Rosalinda dan Muhammad (2023), Panjaitan dan al-Rasyid (2023) serta Irmansyah et.al (2023) masing-masing mengetengahkan medium Canva dalam pembelajaran kosa kata Arab yang boleh diketengahkan dalam pembelajaran UiTM kerana variasi fungsi penggunaannya boleh dipelbagaikan dalam kandungan pembelajaran.

## **5. Kesimpulan**

Isu yang berkaitan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab khususnya sudah menjadi satu masalah yang akan dihadapi sama ada pelajar atau guru, pendidik dan sebagainya. Atas dasar ini, satu usaha perlu ditingkatkan bagi membantu prestasi penguasaan kosa kata Arab khusus bagi pelajar UiTM cawangan Kedah. Ini kerana perkembangan dunia pendidikan berkembang dengan pantas dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman.

Secara tidak langsung, perkembangan semasa ini akan mempengaruhi sedikit sebanyak pendekatan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan bahasa Arab. Dengan mewujudkan aplikasi kosa kata ini ia dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang agar usaha memupuk ke arah mencintai bahasa Arab itu semakin tersemat dan terus berkembang. Semoga dengan kajian yang dijalankan ini dapat menyumbang kepada percambahan idea dalam dunia bahasa Arab.

## **Penghargaan**

Artikel ini hasil daripada penyelidikan Geran Dana Dalam Negeri (DDN) Padanan Bersama 2023 bertajuk Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Komunikasi Pelajar UiTM Berasaskan Aplikasi Canva (100-UiTMKDH(PJI.5/4/1)). Penulis mengucapkan terima kasih kepada UiTM atas pembiayaan penyelidikan ini dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## **Funding Details**

This work was supported by the Geran Dana Dalam Negeri (DDN) Padanan Bersama 2023

## Authors Contributions

Penulis pertama menjalankan kerja lapangan, mengkonseptualisasikan kajian, merangka metodologi dalam reka bentuk kajian dan penyemakan artikel penuh. Penulis kedua, ketiga dan keempat menyediakan tinjauan literatur komprehensif. Penulis kelima memainkan peranan dalam merangka pembelajaran dalam aplikasi Canva. Penulis keenam menjalankan analisis statistik dan tafsiran keputusan, perbincangan analisis statistik data.

## Conflict of Interest

Tiada konflik kepentingan yang dikaitkan dengan penerbitan ini.

## References

- Abdul Rahman, K., Baharudin, H. (2023). Pengaruh Persekitaran Bahasa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Arab Pelajar. *Issues in Language Studies*, 12(1), 71-89.
- Abdullah, R., Abdullah, R., Abdullah, R. (2023). Aplikasi Kahootdalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Pengajian Islam Di Peringkat Universiti: Tinjauan Awal Terhadap Keberkesanan Pengunaannya. *ar-Ra'iq*, 6(2), 1-17.
- Aizan Y., Aspalila S., Alobaisy A. S., Waleed M. R., Norma A. (2018). Vocabulary Learning Strategies (VLSS) Through Secondary Students At Saudi School In Malaysia (SSM): A Pilot Study. *International Education & Research Journal*, 4(2), 48-53.
- Akmalia, F. (2023). Exploring AFL Teachers' Experiences in Teaching Arabic Vocabulary. *iRecall Journal: An Indonesian Journal for Language Learning and Teaching*, 1(1), 35-51.
- Aluwi, A. M., Abdul Ghani, M. T. (2023). Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada Perspektif Guru. *Sains Insani*, 8(2), 294-303.
- Azzikri, M. H. (2019). Pengembangan M-Kamus Istilah Penelitian Dalam Bahasa Arab Bagi Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Universitas Negeri Semarang. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 3(2), 128-142.
- Dewi, A. M. M., Musthofa, T., Rauf, A. (2023). Analysis ofPhonetic Errors in Learning Arabic Through Social Media Tiktok. *Studi Arab*, 14(1), 51-60.
- Faradisa, A. S., Fitriani, L. (2023). Penggunaan Media Gambar Dalam Pembelajaran Kosakata Di Mts Nurul Ulum. *al-Fusha: Arabic Language Education Journal* 5(1), 17-23.
- Farhan, Muhammad. (2023). (2023) The Effect of Using WOW Application on Students' Vocabulary Mastery at Arabic Education Department Second Semester UIN North Sumatera. Master Thesis, Faculty Of Tarbiyah And Teacher Training, State Islamic University Of North Sumatera Medan.
- Giatika, C., Firman, P. N. (2023). Aplikasi Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab Dasar untuk Anak Berbasis Android. *Journal on Education*, 5(2), 3620-3624.

- Irmansyah, Qaaf, M. A., Yuslina. (2023). Pengembangan media pembelajaran bahasa arab menggunakan aplikasi canva berbasis savi (somatis, auditori, visual dan intelektual). *Jurnal Ilmiah Al-Mashadir: Journal of Arabic Education and Literature*, 3(1), 69-86.
- Jaili, H., Hamdan, M. J., Abdul Hamid, N. A. (2023). Strategi Pengajaran Mufradat (Kosa Kata) Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Ugamma Negara Brunei Darussalam. *e-JURNAL BAHASA DAN LINGUISTIK*, 5(1), 84-101.
- Khairani, B., Harahap, D. A., Aswani, R. (2023). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Madrasah Tsanawiyahhifzhil Qur'an Medan. *Sathar: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab*, 1(2), 46-55.
- Lutfiyatun, E., Kurniati, D., Fajriah, N. (2023). Pemanfaatan Artificial Intelligence(AI) Dalam Meningkatkan Kompetensi Pembelajaran Gramatikal, Tarjamahdan Muhadatsah Di Perguruan Tinggi. *Seulanga: Jurnal Pendidikan dan Pelatihan* 2(2), 93-105.
- Mahyudin. (2023). Peningkatan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Melalui Penggunaan Media Gambar. *Seminar Nasional Pendidikan Profesi Guru Agama Islam*, 3(1), 1418-1428.
- Moh. Y. E., Ahmad, S. (2023). Meningkatkan Keterampilan Berbahasa Siswa Melalui Pembelajaran Pakem Menggunakan Aplikasi Solite Kids Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Akademika*, 17(1), 117-129.
- Mujahid, I., Nasirudin, M. Hidayana. K. (2022). Evaluasi Program "Kembara" Sebagai Upaya Dasar Peningkatan Program Pembelajaran Bahasa Arab Di Universitas Darussalam Gontor. *VOX Edukasi: Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan* 13(1), 89-101.
- Munir, D. R., Irfan, A. (2023). Analisis Penggunaan Kamus dalam Penguasaan Kosa kata Bahasa Arab Peserta Didik di kelas XI MIA di MA Al-Muthohhar. *Jurnal Ilmiah Research Student (JIRS)*, 1(1), 229-242.
- Nafiah, S. F. D. A. (2023). Konsep Aplikasi Liveworksheets Sebagai Kecerdasan Buatan Dalam Tugas Bahasa Arab Secara Dalam Talian. *AFAQ LUGHAWIYYAH*, 1(1), 162-171.
- Ni'mah, I. K., Zunaidah, A., Roziqin, A. (2023). Penggunaan Flash Card untuk Meningkatkan Kemampuan Menghafal Kosa Kata Bahasa Arab. *Konferensi Nasional Tarbiyah UNIDA Gontor*, 1, 309-315.
- Niam, M. F. (2022). Penerapan Metode The Guess Word Dengan Menggunakan Media Flashcard Dalam Meningkatkan Penguasaan Mufrodāt. *Seminar Nasional Pendidikan Profesi Guru Agama Islam* 2(2), 820-828.
- Nisa, V. C. (2023). Pembelajaran Istima' Pada Aplikasi Arab Fun Easy Learn (Studi Analisis Konten Menurut Standar ACTFL). *An-Najah: Jurnal Pendidikan Islam dan Sosial Agama*, 2(4), 149-155.
- Norillah Abdullah Hasim, Amiruldin Ishak, Fahmi Zaidi Abdul Razak. (2023). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kosa Kata Pelajar:Satu Sorotan Literatur Sistematis. *Jurnal al-Sirat*, 23(2), 9-16.
- Noor, M. L. A. H. B. M., Gani, M. Z. B. A., Ismail, N. S. B., Ahmad, N. Z. binti, Mohd, K., & Shamsudin, J. M. (2023). Implementing Arabic Educational Charade Game in Acquiring Arabic



- Vocabulary and Improving Arabic Speaking Skill. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 291-305.
- Nur, S. E., Munir, M., Tahir, M. Y. (2023). The Effectiveness of Application of Image and Words Matching Technique to Improve Arabic Vocabulary Mastering Ability in Class VIII Students of MTs. Bontote'ne, Kab. Gowa. *Proceeding of International Conference on Islamic and Interdisciplinary Studies (ICIIS)*, 514-518.
- Panjaitan, N. A. S., al Rasyid, H. (2023). Pengembangan Media Pembelajaran Komik Bahasa Arab Berbasis Canva. *Journal of Education Research*, 4(2), 484-495.
- Prakasa, F., Tajuddin, S., Setiadi, S. (2023). Mastery of Beginner Level Arabic Vocabulary Writing Ability for students of the Arabic Language Education Study Program, Faculty of Languages and Arts, Universitas Negeri Jakarta. *SCIENTIA: SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES*, 2(2), 16-19.
- Prasetyo, S. (2017). Pengembangan Media Pembelajaran Ipa Berbasis Android Untuk Siswa Sd/Mi. *Journal of Madrasah Ibtidaiyah Education* 1(1), 121-140.
- Putri, S. U. (2023). Efektifitas Penggunaan Aplikasi Kahoot Dalam Meningkatkan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Terhadap Siswa Kelas X Sma Islam Al-Falah Kota Jambi. Tesis Ijazah. Jurusan Pendidikan Bahasa Dan Sastra Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Jambi, Indonesia.
- Rafsanjani, H., & Nurudharoini, M. A. S. (2022). Problematika Mahasiswa dalam Manajemen Skill Berbahasa Arab pada Perguruan Tinggi di Kalimantan. *Journal of Elementary Education* 6(3), 5166-5180.
- Robiansyah, D., Rahmanudin, L., Hanif, M. H. (2023). Pengaruh Penggunaan Media Monopoli Bahasa Terhadap Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Siswa Kelas Iv Mi Salafiyah Kota Cirebon. *al-Fakkar: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 4(1), 18-34.
- Rosalinda., Muhammad, S. (2023). Pengembangan Media Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Aplikasi Canva. *Jurnal Sains Riset (JSR)*, 13(1), 30-40.
- Samah, R., Isahak, A., Mohd Nathir, K. A., Abdul Majid, M. Y., Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Ahmad, H. (2023). Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Dalam Bidang Sastra Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64-77.
- Saputra, D., Fidri, M., Fatoni, Nurhayati. (2022). Penggunaan Media Flashcard Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Penguasaan Kosakata. *Jurnal As-Said*, 2(1), 127-137.
- Sholihuddin, A., Muslimah, M., Riyani, A. (2023). The Role of the Use aljazeera.net Website in Improving the Mastery of Modern Arabic vocabulary in Learning the Tarjamah Lishahafah Majoring in Arabic Education State Islamic Institute of Kediri. *al-Wasil: Majallah al-Lughah al-Arabiyyah wa Ta'limuha*, 1(1), 11-25.
- Taufik, T., Azmi, D. I., Zahire, I. N. A., Sa'adah, N., Ermawati, N., Wulandari, P. (2023). Pembelajaran Unsur-Unsur Bahasa Arab (Mufradat dan Qawaid) dengan Penerapan Strategi Pembelajaran Flashcard di Kelas V Madrasah Ibtidaiyah (MI). *Diwan: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 15(1), 58-73.

- Tungkagi, F. M., Ali, I., Kasan, Y. (2022). Problematika Pembelajaran Bahasa Arab Pada Mahasiswa Lulusan Non-Madrasah di Prodi Pendidikan Bahasa Arab lain Sultan Amai Gorontalo. *al-Fakkaar: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Arab*, 3(1), 1-16.
- Umar, M. H., Mohamed, Y., Zainuddin, N., Sulaiman, N. (2023). Enhancing Students' Vocabulary In Arabic Language Through The Use Of Google Classroom. *Ulum Islamiyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 35(3), 39-47.
- Zaini, A. R., Khirulnizam. A. R., Muhammad. H. H., Khairil A.E., Saifulah. S., Mohd Z. A. R. (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016*, (IRSYAD2016). Shah Alam, 10 Mei 2016.
- Zainuddin, G., Masrop, N. A. M., Sahrir, M. S., Ramlan, S. R., Ismail, I. M., Muslil, Y., Mansor, N. (2023). Kebolehgunaan Aplikasi Myarabiy Gamedalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama JAIS. *e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI*, 10(2), 176-196.
- Zarkasyi, A. H., Gandhi, Z. I., Tazali, R. M. (2023). Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan Metode Qawwaid Dan Tarjamah Pada Era Modern. *INNOVATIVE: Journal Of Social Science Research*, 3(4), 3451-3465.





**ISSN: : 1985-5079**